

PRESS RECORD

Date Published

Thursday, 21 October 2010

Media / Page

Metro, Sport, 52

PR Value (MYR)

13,202.88

Unggul di hari pertama

Hazwan berjaya pungut lima mata melalui lima kemenangan untuk dahului kelompok sembilan pasukan

>>Oleh Zainuddin Muhammad
ain@hmetro.com.my

JUARA bertahan, Hazwan Hazim Dermawan (*gambar kecil*) memungut lima mata melalui lima kemenangan untuk mendahului kelompok sembilan pasukan di hari pertama Kejohanan Perlumbaan Kapal Layar Satu Lawan Satu Kebangsaan di Pulau Duyong, semalam.

Jurumudi pasukan Pulse AC Law berusia 22 tahun itu mencipta kemenangan ke atas ketua pasukan Sail Putrajaya, Nurul Elia Anuar, Rizal Mahdi Sazili (Royal Selangor Yacht Club), Mohd Masyuri Rahmat (Malaysian Yachting Association), Jero-

me Welch (Putrajaya 5 O) dan Nik Ashraf Qaedi (Team One).

Hazwan bagaimanapun mengaku tidak bermula dengan baik dan banyak melakukan kesilapan di awal hari pertandingan tetapi dapat mengawal keadaan sejeurus selepas perlumbaan pertama.

"Saya dan rakan sepasukan gagal berkomunikasi dengan baik pada mulanya dan keadaan itu mungkin kerana kami berada dalam keadaan tertekan untuk mencapai kemenangan dan seterusnya mendapat tempat untuk beraksi dalam Piala Monsun nanti," katanya.

Hari pertama juga baik untuk jurumudi pasukan Ang-

katan Tentera Malaysia Satu, Mohamad Razali Mansor yang berjaya memenangi perlumbaan ke atas Nurul Elia, Rizal Mahadi, Mohd Masyuri dan ketua pasukan pasukan Koo Racing, Tiffany Koo untuk mengumpul empat mata.

Pegawai tentera laut berusia 41 tahun itu yang cuma tewas kepada Nik Ashraf berkata, nasibnya agak baik kerana pegawai perlumbaan membatalkan perlumbaan pertamanya menentang Nurul Elia ketika dia hampir tewas.

"Selepas perlumbaan dimulakan semula, saya dapat mengawal bot dengan baik dan berjaya mencapai kemena-

ngan dan itu diikuti dengan tiga lagi kemenangan sehinggalah saya tewas kepada Nik Ashraf.

"Saya dan rakan sepasukan juga yakin yang kami akan dapat belayar dengan lebih baik lagi di hari kedua dan kami akan berusaha untuk mara ke pusingan seterusnya," kata Razali yang mengambil bahagian dalam pertandingan kelayakan peringkat kebangsaan sejak 2006.

Jurumudi Koo Racing Team Evernew, Jeremy Koo, juga berjaya mengumpul empat mata selepas menewaskan kakaknya Tiffany, Rizal Mahadi, Mohd Masyuri dan Welch, sebelum tewas kepada Nik Ashraf.



HEBAT...pasukan Pulse AC Law berjaya memenangi peringkat awal pada perlumbaan kapal layar satu lawan satu.

